



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2023



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM_Rasmi](#)



[pnm_rasmi](#)



[pnmytube](#)



[PNMRasmi](#)



[pnmsaluransosial2](#)



[pnm_rasmi](#)

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2023



**"Cuma perlu satu buku untuk
jatuh cinta pada membaca.
Cari buku itu. Mari jatuh cinta"**

-Najwa Shihab-





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2023

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2024

Cetakan Ketujuh (Elektronik): 2024

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

E-ISSN 2710-639X

1. Reading Promotion—Malaysia.
2. Reading interest—Malaysia.
3. Book and reading—Malaysia.
- I. Perpustakaan Negara Malaysia 028.909595

ISI KANDUNGAN

01.

SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG

xi

02.

DASAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1

03.

ROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

2- 26

- Jom Baca Bersama 10 Minit
- Program Kembara Ilmu Peringkat Kebangsaan, Kuching Sarawak
- Program Kembara Ilmu Peringkat Negeri Pulau Pinang
- Program Jom Baca@Chadak
- Program Bacaan Kegemaran Saya

04.

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

27- 36

- Karnival Semarak Jawi@Pahang
- Bengkel Klinik Jawi 2023

05.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

37- 42

- Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO
- Senarai Pelaksanaan Literasi Media dan Maklumat 2022

06.

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI DAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN

43- 46

07.

ROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN
DESA PNM

47- 50

08.

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA
KEBANGSAAN

51- 54



**"KETIKA KAMU RAGU
AKAN SESUATU, CARILAH
DI PERPUSTAKAAN"**

-J.K ROWLING-

SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam sejahtera dan salam perpaduan

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Laporan Program Galakan Membaca 2023, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) berjaya diterbitkan. Saya bagi pihak pengurusan PNM ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia atas usaha dan komitmen dalam memastikan kesinambungan penerbitan Laporan Galakan Membaca tahun 2023 ini. Besar harapan saya agar laporan ini dapat memperkasakan minat dan budaya membaca rakyat Malaysia dari semua peringkat umur dan latar belakang.

Melalui slogan kempen iaitu "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya" mampu memberikan kesedaran dan meningkatkan semangat kepada orang ramai dalam membudayakan tabiat membaca. PNM telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti galakan membaca sama ada berskala besar atau kecil. Kejayaan ini bukan sekadar penghormatan kepada usaha dedikasi PNM, tetapi juga bukti kerjasama, sokongan dan bantuan tidak berbelah bahagi daripada semua sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan dan individu yang bersemangat serta berganding bahu menjayakan kempen ini.

Melangkah ke era Revolusi Industri (IR) 4.0 iaitu, teknologi digital menjadi elemen teras dalam setiap bidang pekerjaan, perpustakaan sebagai gedung ilmu dan penggerak budaya membaca akan terus komited melaksanakan program yang lebih inovatif dalam memenuhi keperluan masyarakat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. PNM juga akan memanfaatkan teknologi untuk meluaskan langkah PNM bagi mewujudkan ekosistem membaca yang benar-benar inklusif.

Akhir kata, slogan "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya" berfungsi sebagai peringatan yang kuat tentang kuasa transformatif membaca. Ia memberi kekuatan kepada PNM untuk terus berusaha dalam mewujudkan masyarakat membaca. Marilah kita mendedikasikan diri untuk mewujudkan negara membaca sekaligus dapat memastikan bahawa legasi kempen ini terus memberi inspirasi dan melahirkan modal insan berprestasi tinggi.

"BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA"

Sekian.

SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia





DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu: “menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.”





PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
LITERASI MEDIA
DAN MAKLUMAT



لَوْ بَارِقَ
وَيُ

OM
ACA
S REA
ysia Membac

PEGAWAS
DI PERAJAYA PRIS 1107

PROGRAM GALAKAN MEMBACA









STATISTIK PERBANDINGAN JUMLAH PENYERTAAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2022 MENGIKUT TAHUN (2015- 2023)

Bil.	Tahun	Jumlah Penyertaan
1.	2015	2,544,139
2.	2016	4,250,076
3.	2017	5,804,052
4.	2018	5,839,562
5.	2019	6,403,714
6.	2020	1,389,774
7.	2021	3,248,851
8.	2022	3,248,851
9.	2023	6,741,104
Jumlah		40,378,958

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor





JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan program galakan membaca yang diadakan sempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta. Program ini juga merupakan simbolik kepada amalan membaca yang dicetuskan menerusi pembacaan serentak selama 10 minit di seluruh negara.

Pada tahun 2023, Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah diadakan pada 18 Mei 2023 secara hibrid iaitu, secara bersemuka di Tingkat 10 Menara PNM dan bersiaran secara langsung menerusi saluran Youtube PNM TV Channel.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 334 peserta turut serta dalam menjayakan program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023. Keseluruhan penyertaan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 di seluruh Malaysia adalah seramai 6,741,104 penyertaan.



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023



Ucapan perasmian Program Jom Baca Bersama 10 Minit oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



Bacaan Ikrar Rukun Negara oleh kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia.



Lawatan ke mini pameran sempena Jom Baca Bersama 10 Minit oleh YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Profesor dan Penyandang Kursi Al-Ghazali, IISTAC IIUM bersama-sama Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM.

10 MINIT BACA BERSAMA 2023



Sesi baca bersama selama 10 minit dalam suasana yang senyap.



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023



Ceramah bertajuk Membaca Sebagai Alat Mencapai Kebahagiaan disampaikan oleh YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Profesor dan Penyandang Kursi Al-Ghazali, IISTAC IIUM.



Nyanyian lagu Budaya Membaca secara beramai-ramai dan sesi bergambar.

KEMBARA ILMU

PERINGKAT KEBANGSAAN KUCHING, SARAWAK

Program Kembara Ilmu bagi tahun 2023 telah diadakan bersempena dengan sambutan Minggu Perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara yang berlangsung di Kuching Sarawak. Kembara Ilmu merupakan program berkonsepkan mencari harta karun iaitu, peserta yang terlibat akan mengembara di beberapa lokasi terpilih untuk mendapatkan sesuatu maklumat dan petunjuk yang bertujuan mempromosikan budaya membaca walau di mana berada, memupuk semangat kolaborasi perpaduan dalam kalangan peserta serta memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar negeri Sarawak.

Program Kembara Ilmu di Kuching, Sarawak telah diadakan pada 20 Mei 2023. Pelepasan (flag-off) kembara ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dataran Waterfront, Kuching Sarawak. Para peserta seterusnya bergerak ke empat lokasi pengembaraan yang perlu dilalui iaitu, Tugu Pahlawan, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Warisan Islam dan Borneo Cultures Museum. Setiap kumpulan peserta dibekalkan dengan peta jalan bagi memudahkan pengembaraan ke setiap lokasi.

Seramai 70 orang peserta telah menyertai Kembara Ilmu pada kali ini. Program ini telah dijayakan dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak, Jabatan Muzium Negeri Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara.



KEMBARA ILMU

PERINGKAT KEBANGSAAN KUCHING, SARAWAK



Pelepasan (flag-off) kembara telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dataran Waterfront, Kuching Sarawak.



Para peserta dan urus setia bergerak ke lokasi taklimat dan lokasi kembara.



Bermulanya pengembaraan ke Tugu Pahlawan, Muzium Warisan Islam dan Borneo Culture Museum.

KEMBARA ILMU

PERINGKAT KEBANGSAAN KUCHING, SARAWAK



Para peserta Kembara Ilmu menyelesaikan tugas mereka mengikut kumpulan kembara masing-masing.





KEMBARA ILMU

PERINGKAT KEBANGSAAN KUCHING, SARAWAK



Gambar sekitar Majlis Penyampaian Hadiah Program Kembara Ilmu Kuching, Sarawak di Borneo Cultures Museum yang telah disempurnakan oleh YBr. Puan Salasiah binti Abdul Wahab. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah JPNIN, Tuan Haji Japri bin Bujang Masli, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak dan Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia. Tempat pertama Kembara Ilmu telah dimenangi oleh pelajar-pelajar dari UNIMAS.





KEMBARA ILMU

PERINGKAT NEGERI

PULAU PINANG

Program Kembara Ilmu Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 26 Mei 2023 sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Pulau Pinang. Konsep pelaksanaan program adalah sama seperti Kembara Ilmu Peringkat Kabangsaan di Kuching Sarawak. Sesi *flag-off* program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Pelaksanaan Program Kembara Ilmu

Para peserta berkumpul di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang sebelum dilepaskan ke *check point* yang pertama dengan menaiki bas. Setelah tamat pengembaraan di *check point* pertama, para peserta bergerak menuju ke *check point* kedua hingga ke *check point* terakhir dan majlis penyampaian hadiah telah diadakan di Butterworth Arena sejurus selesai pengembaraan. Majlis penyampaian hadiah program Kembara Ilmu telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang.

Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah menyertai Program Kembara Ilmu Peringkat Negeri Pulau Pinang. Program ini telah dijayakan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

KEMBARA ILMU PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Pendaftaran peserta dan pengagihan kit Kembara Ilmu.



Pelepasan (*flag-off*) peserta oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia.



KEMBARA ILMU PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Gambar sekitar Kembara Ilmu, para peserta menyelesaikan tugas mereka mengikut kumpulan kembara masing-masing.



KEMBARA ILMU PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Majlis penyampaian hadiah Kembara Ilmu telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang. Pemenang Kembara Ilmu Pulau Pinang telah dimenangi oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang.



PENULISAN KREATIF: MERDEKA HATI MALAYSIA MADANI

Program Karya Kreatif: Merdeka Hati Malaysia Madani merupakan program galakan membaca anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Program ini telah diadakan pada 24 Julai 2024 bertempat di PUSPEN Raub, Pahang.

Bengkel ini bertujuan memberi peluang kepada penghuni pusat pemulihan untuk berkongsi pengalaman hidup melalui penghasilan karya kreatif dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan penghuni PUSPEN agar menjadikan amalan membaca sebagai gaya hidup dan riadah minda. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan menyantuni golongan berkeperluan khas melalui program pembacaan dan penulisan kreatif agar semua golongan masyarakat mendapat peluang yang sama rata tanpa mengira latar belakang sosial mereka.

Penceramah undangan untuk melaksanakan bengkel ini adalah Puan Zalilah binti Isa, Editor Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Beliau mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang penulisan kreatif. Dalam bengkel ini, para peserta didedahkan dengan teknik penulisan kreatif bagi menghasilkan karya berdasarkan pengalaman mereka dalam bentuk cerpen, sajak, puisi dan lain-lain. Seramai 61 orang penghuni PUSPEN menyertai bengkel ini.



PROGRAM JOM BACA@CHADAK

Masyarakat Orang Asli merupakan salah satu fokus yang diberi keutamaan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam pelaksanaan aktiviti pembacaan dan mengimarahkan ilmu. PNM telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu program yang berteraskan pembacaan kepada golongan sasar iaitu Program Membaca Bersama-sama Orang Asli. Perasmian adalah bertujuan menggalakkan orang ramai turun padang untuk bersama-sama menyemarakkan budaya membaca khususnya masyarakat peribumi dengan tujuan melihat budaya, cara hidup dan seterusnya memberi sumbangan dan kesedaran kepada komuniti setempat berkenaan kepentingan membaca.



PNM juga terus komited dalam mempromosikan budaya membaca bukan sahaja dalam kalangan masyarakat bandar tetapi juga kepada masyarakat luar bandar terutamanya yang berada di pedalaman ini bagi memastikan mereka mendapat pendedahan yang sama rata seperti masyarakat lain dalam ilmu pengetahuan agar mereka boleh terus maju dan berdaya saing tinggi dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Hal ini selaras dengan rukun Malaysia Madani iaitu, kemampuan bagi mewujudkan kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik.



Objektif Program

- Menyokong pelaksanaan *Sustainable Development Goals* (SDG) UNESCO bagi sasaran sepuluh (10) mengurangkan ketidaksamaan dalam negara;
- Menyokong aktiviti kepustakawanan bagi menggalakkan promosi perkhidmatan perpustakaan dan kemudahan yang disediakan kepada masyarakat;
- Memberi impak kepada Dasar Perpaduan Negara dalam menjadikan program ilmiah dan budaya ini sebagai wadah perpaduan melalui pelbagai aktiviti pendidikan dan keilmuan dalam menjadikan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia berilmu dan berbudaya; dan
- Menyokong objektif Malaysia Madani dalam memberi ruang setiap masyarakat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dengan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.

Majlis Perasmian Program Jom Baca@Chadak



Ucapan alu-aluan Program Jom Baca@Chadak oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia.



Ucapan perasmian Program Baca@Chadak oleh YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara.

Ketibaan YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara diiringi oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia, Tuan Haji Meor Hezbullah bin Meor Abd Malik, Pegawai Daerah Kinta; Puan Rafidah binti Abdul Aziz, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dan Encik Mohd Farizal bin Mohd Zakhir, Pegawai Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Kinta.



Persembahan tarian selamat datang Program Jom Baca@Chadak.



Bacaan ikrar oleh anak-anak penduduk Kampung Chadak.



Persembahan tarian selamat datang Program Jom Baca@Chadak.



Penyerahan sumbangan bahan bacaan kepada Encik Leman bin Pandak Tok Batin Kampung Chadak.



Pengisian Aktiviti sempena Program Jom Baca@Chadak



Para tetamu kehormat melawat ke reruai pameran dan aktiviti. Antara agensi yang turut serta dalam menjayakan program ini ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Jabatan Muzium Negeri Perak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kraftangan Malaysia dan penduduk Kampung Chadak.



Suasana meriah aktiviti sepanjang program Jom Baca@Chadak. Antara pengisian aktiviti ialah Pameran sudut perpustakaan keluarga, roda ilmu, pertandingan mewarna, jualan rahmah FAMA, demonstrasi masakan tradisional, pemeriksaan kesihatan dan gigi, klik dengan bijak, permainan tradisional seperti congka dan chapteh, sukaneka dan aktiviti didik hibur.

Pengisian Aktiviti sempena Program Jom Baca@Chadak



Forum Perpaduan Bacalah: Malaysia MADANI.



#SayaDigitalMovement oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).



Taklimat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna.

Pengisian Aktiviti sempena Program Jom Baca@Chadak



Pertandingan Karaoke sempena Program Jom Baca@Chadak



BACAAN KEGEMARAN SAYA (BKS)



Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) telah mula dilaksanakan pada tahun 2000. Program ini telah menjadi program tahunan yang melibatkan pelbagai tokoh masyarakat, para profesional, pelajar, selebriti, pensyarah, pakar motivasi dan orang awam. BKS merupakan salah satu usaha dalam menggalakkan orang ramai minat membaca dan berkongsi maklumat berkaitan kandungan yang menarik daripada buku atau bahan bacaan yang dibaca. Pada tahun 2023, program ini diadakan pada 24 Oktober 2023.

Objektif Program

- Menyokong pelaksanaan Sustainable Development Goal (SDG) UNESCO bagi sasaran empat (4) iaitu, pendidikan berkualiti dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat;
- Menggalakkan minat membaca dalam kalangan komuniti setempat;
- Mempromosikan bahan bacaan dalam kalangan rakyat Malaysia;
- Menggalakkan aktiviti pembacaan bahan-bahan bacaan yang digemari; dan
- Mengadakan perkongsian ilmu melalui pembacaan.



YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bergambar bersama-sama panel undangan BKS iaitu, Encik Hafizul Faiz, pengasas Tentang Kita.

Pelaksanaan Program BKS

Program ini diadakan secara hibrid di ruang perkhidmatan Aras 10, Menara PNM dan menerusi siaran langsung di Youtube PNM TV Channel. Panel undangan program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) kali ini adalah Encik Hafizul Faiz, Pengasas Tentang Kita dan penulis prolific. Beliau juga merupakan pempengaruh media sosial yang mempunyai ramai pengikut. Selain itu, beliau juga merupakan finalis Hadiah Sastera Perdana Malaysia dengan karyanya Surat-surat dari Maninjau serta pernah menjadi MPH *Bookseller Author* dengan karya penulisan Tentang Pergi dan Tentang Dewasa.


Seramai 91 orang telah menghadiri program BKS ini secara fizikal dan 244 orang telah hadir secara maya.

BACAAN KEGEMARAN SAYA (BKS)





PROGAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI





د سوداګر او وختونو
منفعتونو ته
مک - برکتیږي
امقت کلاي سسپاي
تندا کمانين


د ان سسپاي څخه تيدو
منفعتګن ماس سوداګر او وختونو
امقت کلاي علمي مک برکتیږي
تندا کمانين




STATISTIK PENYERTAAN PROGRAM/AKTIVITI PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI TAHUN 2019 HINGGA 2023



Jumlah kumulatif Program Pembudayaan Tulisan Jawi tahun 2019 hingga 2023: 158



Jumlah kumulatif penyertaan Program Pembudayaan Tulisan Jawi tahun 2019 hingga 2023: 377,022 orang



Nota: Program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Gerakan Literasi Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sahaja.



Pada tahun 2023, Karnival Semarak Jawi kali ke-10 telah diadakan di Kuantan Parade, Kuantan, Pahang pada 7-8 Oktober 2023 berkonsepkan didik hibur dan aktiviti berasaskan tulisan Jawi berbentuk interaktif yang merangkumi bengkel, pertandingan, kuiz, aktiviti berkumpulan dan gerai-gerai jualan.

- Menyokong pelaksanaan *Sustainable Development Goals* (SDG) UNESCO bagi sasaran empat (4) iaitu pendidikan berkualiti dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat;
- Memperkasa Pembudayaan Tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat;
- Mendekatkan masyarakat umum kepada budaya penulisan dan pembudayaan tulisan Jawi;
- Mendedahkan masyarakat umum dengan inovasi pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi yang mudah dan berkesan;
- Memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan komuniti setempat; dan
- Menyokong objektif Malaysia MADANI dalam memberikan ruang setiap masyarakat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dengan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.





Gimik perasmian: Majlis perasmian Karnival Semarak Jawi @Pahang telah disempurnakan oleh wakil Pengerusi Jawatankuasa Adat Resam Melayu Pahang iaitu YH. Dato' Ahmad Hairi bin Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

PELAKSANAAN PROGRAM DAN MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SEMARAK JAWI@PAHANG

Karnival Semarak Jawi@Pahang 2023 telah dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) pada 7-8 Oktober 2023 di Kuantan Parade, Kuantan Pahang. Pelbagai pengisian aktiviti telah diadakan sepanjang dua (2) hari karnival tersebut berlangsung. Seramai 2,016 telah menghadiri karnival ini.



Bacaan Ikrar Rukun Negara.



Lawatan ke reruai pameran dan jualan buku.

Pengisian Program Karnival Semarak Jawi@Pahang 2023

#1. Bengkel Klinik Dr. Jawi

Kesinambungan daripada program utama PNM iaitu Klinik Dr. Jawi di Radio IKIM.fm

#2. Acara Pentas

- Bicara Jawi: Warisan Kegemilangan Bangsa
- Bicara Ummah: "Keganasan Rumah Tangga, Rumah Sendiri Pun Dah Tak Selamat?"
- Pertandingan Nasyid dan Sajak
- Takzilah Santai" Cinta Nabi, *Follow* Sunnah Sampai Mati"
- Kuiz Jawi
- Perkongsian Inovasi Jawi
- Persembahan Nasyid
- Mudahnya Jawi

#3. Aktiviti Di Reruai

- Padanan huruf Jawi
- Menyusun huruf Jawi
- Roda Ilmu Jawi
- Bina Kata Jawi
- Warna Kreatif Jawi
- Baca Jawi
- Pameran dan Jualan Buku

#4. Pertandingan

- Pertandingan Jejak Maklumat Jawi
- Pertandingan Khat Jawi
- Pertandingan Pantas Jawi
- Pertandingan Eja Jawi
- Pertandingan Warna Jawi Kreatif

PENGISIAN PROGRAM KARNIVAL SEMARAK JAWI@PAHANG 2023



PENGISIAN PROGRAM KARNIVAL SEMARAK JAWI@PAHANG 2023



PENGISIAN PROGRAM KARNIVAL SEMARAK JAWI@PAHANG 2023



BENGKEL KLINIK DR. JAWI 2023

Bengkel ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu bermula 22-23 Ogos 2023, bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman, Kedah. Bengkel ini diadakan bagi menyemarakkan dan membudayakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur serta memberi bimbingan kaedah penulisan dan ejaan Jawi yang betul.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT





PENGISIAN PROGRAM SEMPENA MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO 2023

Pertandingan Pendaftaran Tertinggi e-LMM Perpustakaan Desa

Pertandingan ini telah disertai oleh semua Perpustakaan Desa bawah Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 248 orang telah menyertai pertandingan ini.

Bengkel Literasi Media dan Maklumat

Bengkel ini telah disertai oleh kakitangan lantikan baharu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Seramai 68 orang telah menyertai bengkel ini.

Pemenang Pertandingan Pendaftaran e-LMM Perpustakaan Desa



Bicara Si Celik Maklumat

Bicara Si Celik Maklumat ini telah diadakan di Multimedia University, Cyberjaya. Seramai 68 orang pelajar dari SMK Putrajaya Presint 9 (2) telah menyertai bicara ini.

Pertandingan Poster Digital

Pertandingan ini telah diadakan pada 25 Ogos 2023 hingga 30 September 2023. Seramai 298 orang telah menyertai pertandingan ini.

Pemenang Pertandingan Poster Digital Literasi Maklumat 2023.



Senarai Pelaksanaan Bengkel/Taklimat Literasi Maklumat 2023

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasar	Tempat	Jumlah Peserta (Orang)
1	28 Februari 2023	Penjawat Awam	Politeknik Melaka	20
2	1 Mac 2023	Pelajar dan Kakitangan Awam	Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat	60
3	14 - 16 Mac 2023	Kakitangan Awam (Pemaju Masyarakat Pusat Sumber KEMAS)	Pusat Kegiatan Masyarakat (KEMAS) Kuala Selangor	30
4	15 Mac 2023	Petugas PD Wilayah Utara (Bengkel TOT Sistem e-LMM PNM)	Dalam talian (Zoom)	191
5	16 Mac 2023	Kakitangan Awam Hospital Pulau Pinang	Dalam talian (Google Meet)	134
6	12 April 2023	Petugas PD Wilayah Tengah (Bengkel TOT Sistem e-LMM PNM)	Dalam talian (Zoom)	160

Senarai Pelaksanaan Bengkel/Taklimat Literasi Maklumat 2023

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasar	Tempat	Jumlah Peserta (Orang)
7	17 Mei 2023	Petugas PD Wilayah Selatan (Bengkel TOT Sistem e-LMM PNM)	Dalam talian (Zoom)	214
8	21 September 2023	Pensyarah dan kakitangan Awam	Kolej Vokasional Setapak	30
9	21 Jun 2023	Siswa Guru dan Pensyarah	Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas	100
10	21 - 22 Jun 2023	Subject Matter Expert (SME) Literasi Maklumat PNM	Bilik Audio Visual Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)	34
11	28 Jun 2023	Petugas Perpustakaan Desa Wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan	Dalam talian (Zoom)	127
12	18 Julai 2023	Petugas Perpustakaan Desa Wilayah Timur	Dalam talian (Zoom)	136
13	26 Julai 2023	Kakitangan IPN Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara (IPN) Sabak Bernam	50

Senarai Pelaksanaan Bengkel/Taklimat Literasi Maklumat 2023

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasar	Tempat	Jumlah Peserta (Orang)
14	9 September 2023	Kakitangan KEMAS	KEMAS Batu Muda	25
15	21 September 2023	Kakitangan Agensi/Jabatan bawah Kementerian Komunikasi dan Digital	Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)	34
16	10-11 Oktober 2023	Kakitangan Agensi/Jabatan di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	25
17	26 Oktober 2023	SMK Presint 9 (2) Putrajaya	Multimedia University (MMU)	34
18	31 Oktober 2023	Pegawai Lantikan Baharu PNM	PNM	127
19	4 November 2023	Pelajar Orang Asli	Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) /JAKOA	84
20	24 November 2023	Agensi/Jabatan Kerajaan dan Gunasama PNM	PNM	100
JUMLAH				1,654

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN





STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 2023

BIL.	NEGERI	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
1	Johor	928	1,561,145
2	Kedah	10,176	693,470
3	Kelantan	10,176	693,470
4	Melaka	20,254	281,399
5	Negeri Sembilan	754	350,304
6	Pahang	3,012	522,853
7	Perak	2,652	127,426
8	Perlis	828	162,612
9	Pulau Pinang	4,513	24,171,797
10	Sabah	9,612	1,194,068
11	Sarawak	2,258	266,854
12	Selangor	42,620	1,446,306
13	Terengganu	4,790	199,917
JUMLAH		112,573	31,671,621

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia, 2024

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN YANG DITADBIR URUS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) 2023

BIL.	NEGERI	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
Johor			
1	Kluang	-	-
2	Pasir Gudang	30	1,141
3	Bandaraya Johor Bahru	41	16,395
Perak			
4	Bandaraya Ipoh	26	4,824
Selangor			
5	Majlis Bandaraya Subang Jaya	116	7,411
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	21	1,240
7	Majlis Bandaraya Shah Alam	145	-
8	Majlis Perbandaran Klang	-	-
9	Majlis Perbandaran Sepang	2	113
Wilayah Persekutuan			
10	Perpustakaan Kuala Lumpur	591	12,868
11	Perpustakaan Awam Labuan	29	645
12	Perpustakaan Putrajaya	30	1,519
JUMLAH		1,031	46,156

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2024

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PNM





STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PNM 2023

NEGERI	JUMLAH PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
Johor	38	4,552	172,000
Kedah	57	6,410	130,303
Kelantan	34	5,623	526,382
Melaka	28	7,134	165,753
Negeri Sembilan	60	8,424	220,207
Pahang	33	2,436	82,960
Perak	43	3,139	84,640
Perlis	35	3,059	71,571
Pulau Pinang	32	3,193	89,252
Sabah	50	7,071	174,229
Sarawak	38	5,455	97,754
Selangor	16	1,928	47,311
Terengganu	39	4,931	259,767
W.P Labuan	3	169	6,613
JUMLAH	506	63,524	2,128,742

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2024,





STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN



BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI GALAKAN MEMBACA DAN PENYERTAAN KHALAYAK SELURUH PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2023

BIL.	PERPUSTAKAAN	BILANGAN PERPUSTAKAAN	PROGRAM/ AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	Perpustakaan Negara Malaysia	1	13	6,951
2.	Perpustakaan Komuniti	4	61	33,307
3.	Perpustakaan Awam Negeri (PAN)	874	112,573	31,671,621
4.	Perpustakaan Desa PNM	506	63,524	2,128,742
5.	Perpustakaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	46	1,031	46,156
6.	Perpustakaan Khusus Gunasama	536	3,792	448,360
7.	Perpustakaan Akademik • Universiti awam • Universiti swasta • Kolej swasta	20 76 158	2,505 1,504 422	275,718 77,381 23,805
8.	Perpustakaan Swasta • Badan berkanun • Agensi swasta • Sekolah swasta	67 26 186	366 56 261	31,284 4,171 39,490
JUMLAH		1,936	186,108	34,786,986

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2024

Nota:

Bilangan Perpustakaan Awam Negeri merujuk kepada Perpustakaan Ibu Pejabat, Wilayah, Daerah, Pekan, Komuniti dan bas Bergerak.

STATISTIK PERBANDINGAN PROGRAM/AKTIVITI KESELURUHAN DARI TAHUN 2009 HINGGA 2023

BIL.	TAHUN	PROGRAM/AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	2009	8,798	1,700,000
2.	2010	11,700	703,091
3.	2011	25,962	2,485,925
4.	2012	49,570	3,214,066
5.	2013	59,040	3,495,317
6.	2014	63,662	3,839,794
7.	2015	81,792	4,494,386
8.	2016	85,436	7,240,926
9.	2017	98,254	10,058,821
10.	2018	96,223	10,186,436
11.	2019	114,860	10,860,177
12.	2020	132,466	7,375,474
13.	2021	166,914	7,045,508
14.	2022	232,368	12,653,216
15.	2023	186,108	34,786,986
JUMLAH		1,413,153	120,140,123

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2024





Laporan Program Galakan Membaca

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2687 1700
FAKS: 03-2694 2490



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

